

# **PENGENALAN MATAWANG DI MALAYSIA**

**(1786-1976)**

**JASMIZAM BIN MANSOR**

**92785795**

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat Diploma Seni Reka Logam Halus.

**DEKAN**

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi Mara

Shah Alam

## **PENGHARGAAN**

## **SINOPSIS**

## **BAB 1**

1.1 PENGENALAN	1—4
----------------	-----

1.2 TUJUAN	5
------------	---

## **BAB 2**

2.0 MATAWANG SECARA UMUM	6—10
--------------------------	------

2.1 BAHAGIAN MATAWANG	11—13
-----------------------	-------

2.2 FUNGSI DAN CIRI-CIRI MATAWANG	14—18
-----------------------------------	-------

## **BAB 3**

3.0 PERKEMBANGAN WANG SYILING DI MALAYSIA	19—21
---	-------

3.1 WANG SYILING EMAS DAN TIMAH	22—43
---------------------------------	-------

3.2 WANG SYILING PADA ZAMAN BRITISH MALAYA	44—45
--	-------

3.3 WANG SYILING SEMASA PERJANJIAN NEGERI-NEGERI SELAT	46
--	----

3.4 WANG SYILING DI SARAWAK DAN BRITISH BORNEO	47—48
--	-------

3.5 MALAYAN CURRENCY COMMISSION	49—50
---------------------------------	-------

3.6 WANG SYILING SETELAH PENUBUHAN MALAYA	51—52
---	-------

3.7 WANG SYILING DAGANGAN ASING	53—59
---------------------------------	-------

## **PENGHARGAAN**

*Assalamualaikum w.b.r.*

*(Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasihani)*

*Alhamdulilah dengan izin Allah s.w.t maka lahirlah tesis ini di mana ianya selaras dengan matlamat dan wawasan Kajian Senilukis Dan Senireka untuk meningkatkan kecemerlangan budaya dan minda ilmu penyelidikan di kalangan pelajar.*

*Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu saya serta bapa saya Encik dan ahli keluarga saya yang telah memberi pengorbanan dan dorongan serta sokongan kepada saya.*

*Terima kasih juga kepada penasihat saya iaitu Prof. Madya Encik Zahari Zain Dato Suleiman kerana*

## **SINOPSIS**

Di dalam tesis ini hanya diberi penumpuan kepada pengenalan dan perkembangan wang syiling di Malaysia.

Pada permulaan sejarah, manusia tidak memerlukan matawang untuk hidup. Mereka mendapat keperluan mereka dengan cara memburu dan bercucuk tanam serta berdagang dengan cara bertukar barang. Lama-kelamaan masa pun berubah dan cara hidup menjadi komplek dan sistem tukar barang menjadi kolot. Logam telah menjadi media tukaran, ganti duit dan wang syiling diperkenalkan. Matawang logam menjadi semakin baik dari zaman ke zaman.

Kedatangan penjajah-penjajah ke Tanah Melayu telah membawa perubahan demi perubahan dalam sistem penggunaan wang syiling di Tanah Melayu sehinggalah kepada penubuhan Malaysia pada

## **1.1 PENGENALAN**

Wang merupakan satu keperluan hidup yang sukar dipisahkan dari kehidupan manusia sehari-hari. Ini adalah kerana pada masa ini semua benda yang hendak dilakukan memerlukan wang. Wang juga merupakan keperluan turun temurun bagi setiap lapisan masyarakat di dunia ini.

Semenjak abad ke tiga lagi Semenanjung Tanah Melayu telah menjadi pusat perdagangan antara saudagar-saudagar China dengan pedagang-pedagang India dan Arab dari Barat.<sup>1</sup> Ini terbukti dengan jelas apabila terjumpanya matawang dinar dan juga pitis China di Tanah Melayu.

Cara menggendarikan perdagangan yang paling awal sekali adalah dengan cara tukar barang (barter system) iaitu di mana sesuatu barang itu di

<sup>1</sup>Ismail Ibrahim. Sejarah Tanah Melayu, Sasbadi Sdn. Bhd. 1990. hal 24.